

Fenomena Pertambahan Murid Bukan Cina di Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

TAN Yong Ling, NGU Ik Tien
Jabatan Pengajian Tionghoa, Universiti Malaya.

CHEW Fong Peng
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Universiti Malaya.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan pendidikan Cina dan mendedah fenomena pertambahan enrolmen murid bukan Cina di Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina (SKMJKC) daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kajian ini dijalankan di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) daerah Kuala Pilah yang mempunyai peratusan enrolmen murid bukan Cina yang tidak sama, di mana enrolmen murid bukan Cina bagi SJJC A mencapai sebanyak 92%, dan SJJC B sebanyak 44%. Teori *Cross-Cultural Adaptation* yang dikemukakan oleh Kim (1998) dijadikan landasan teoritikal dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data ialah temu bual dan semakan dokumen. Temu bual dijalankan dengan enam orang ibu bapa murid bukan Cina, enam orang guru dan dua orang guru besar. Kaedah semakan dokumen digunakan untuk mendapat lebih banyak data sokongan yang berkaitan dengan topik kajian. Analisis data menunjukkan bahawa bilangan murid sekolah Cina berkurang dengan cepat mulai tahun 1970-an kerana migrasi penduduk tempatan yang berterusan ke bandar, terutamanya daerah Seremban. Kini, 90% daripada SJJC daerah Kuala Pilah merupakan SKMJKC, di mana enrolmen muridnya kurang daripada 150 orang. Hakikatnya, murid majoriti SJJC yang pada asalnya merupakan etnik Cina telah bertukar kepada etnik bukan Cina, terutamanya etnik Melayu. Bagi ibu bapa Melayu, tujuan utama mereka menghantar anak ke SJJC termasuk menguasai lebih daripada satu bahasa serta kemahiran aritmetik, budaya SJJC yang tegas dapat mendisiplinkan murid dan guru bagaikan tutor peribadi bagi anaknya. Manakala pihak sekolah pula berpendapat bahawa tujuan sebenar etnik bukan Cina menuntut di SJJC adalah dipengaruhi oleh trend global yang mempelajari Mandarin, menganggap SJJC sebagai tempat perlindungan daripada kumpulan etniknya dan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk mendapat kebajikan kerajaan. Kesimpulannya, keterbukaan etnik bukan Cina untuk menerima budaya baharu dan tekanan daripada kehidupan realiti mendorong mereka untuk menuntut di SJJC. Oleh yang demikian, pandangan-pandangan etnik bukan Cina dan pihak sekolah bukan sahaja memaparkan keadaan sebenar di sebalik fenomena yang berlaku ini, malahan ia juga telah mendedahkan perubahan fungsi SJJC mengikut perkembangan semasa.

Kata kunci: migrasi penduduk, murid bukan Cina, pendidikan Cina, Kuala Pilah, SKMJKC

The Phenomenon of Increased Number of Non-Chinese Students in Under-enrolled Chinese Primary Schools in Kuala Pilah, Negeri Sembilan

TAN Yong Ling, NGU Ik Tien
Department of Chinese Studies, University of Malaya.

CHEW Fong Peng
Department of Language and Literacy Education, University of Malaya.

Abstract

This study examines the phenomenon of increasing enrollment of non-Chinese student in the Chinese primary schools in Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The study was carried out in two Chinese primary schools which are labelled as national-type Chinese schools or *Sekolah Jenis Kebangsaan Cina* (SJKC) in Malay language. The schools were selected on the basis of different enrollment rates, where School A recorded a 92% of non-Chinese students and School B 44%. The theoretical framework of this study was guided by Kim (1998)'s theory of Cross-Cultural Adaptation. Interview and documentary research were the two main research methods. Six non-Chinese parents, six school teachers and two principals were interviewed. Meanwhile, a sizeable amount of data presented here was collected through documentary research. Our findings show that migration of local population to urban areas since the 1970s has caused the decline of students in Chinese schools in Negeri Sembilan. Currently, 90% of Chinese schools (SJKC) in the district of Kuala Pilah are classified as *Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina* (SKMJKC) or under-enrolled Chinese schools. A school is categorized as SKMJKC when less than 150 students enrolled to the school. Today, non-Chinese students, especially Malays, make up the majority of student in many SJKC. The major factors that drive the Malays to send their children to SJKC include acquiring a second language and arithmetic skill; the admiration of classroom discipline in schools and getting personal tutoring from school teachers. On the driving factors, the school management added that the global trend of learning Mandarin also has an effect on Malay parents. Meanwhile, many Malay parents see SJKC as a "shelter" from the internal competition within their own ethnic group as they would stand better chances in receiving more assistance from the government. In conclusion, it is the openness attitude towards new culture and the life pressure that have driven the non-Chinese parents to send their children to SJKC. Based on the feedbacks of my interviewees who consist mainly of the non-Chinese parents and school management, this study not only explains the current phenomenon but also indicates that SJKC are prepared to change with the times by adjusting its role and functions.

Keywords: population migration, non-Chinese student, Chinese education, Kuala Pilah, SKMJKC

Pengenalan

Peranan pendidikan vernakular di Malaysia sering dipersoalkan dari segi pemupukan integrasi nasional. Namun begitu, situasi pendidikan vernakular aliran Cina sudah berubah berbanding dengan fungsi asal masa lampau. Kini, fungsi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bukan lagi sekadar memenuhi keperluan pendidikan rendah etnik Cina, kelebihan-kelebihan SJKC yang tertentu telah menarik minat sebilangan etnik bukan Cina untuk menuntut pendidikan Cina daripadanya (Cheong, 2013).

Senario ini berlaku amat ketara terutama sekali di kawasan luar bandar, contohnya daerah Kuala Pilah yang terletak di Negeri Sembilan. Akibat daripada migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar, sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar mengalami masalah penyusutan enrolmen murid yang cepat. Penyusutan enrolmen murid yang serius bukan sahaja berlaku di SJKC, Sekolah Kebangsaan (SK) yang merupakan pendidikan aliran perdana dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) juga mengalami masalah tersebut. Akan tetapi, kelebihan-kelebihan SJKC yang tertentu telah menarik minat etnik bukan Cina untuk memilihnya sebagai tapak menimba ilmu. Keputusan ibu bapa bukan Cina untuk menghantar anak-anak mereka ke SJKC telah membantu kebanyakan SJKC di daerah Kuala Pilah yang merupakan Sekolah Kurang Murid (SKM) mengelakkan daripada nasib ditutup dan dikekalkan sehingga hari ini. Menurut Tee¹ (2015), bekas timbalan pengerusi dan setiausaha Persatuan Cina Malaysia Daerah Kuala Pilah, pada tahun 2015, selain SJKC yang terletak di Pekan Kuala Pilah, sembilan buah SJKC lain merupakan SKMJKC yang mempunyai enrolmen murid kurang daripada 150 orang, dengan murid bukan Cina menjadi golongan majoriti dan murid Cina menjadi golongan minoriti.

Sarjana tempatan telah mengkaji faktor-faktor yang menarik etnik bukan Cina untuk belajar di SJKC. Kajian Kampulin (2009), Lin (2009), Tan dan rakannya (2013) serta Tan (2015) telah merumuskan tiga faktor utama ibu bapa bukan Cina membuat keputusan tersebut, masing-masingnya ingin memperoleh lebih daripada satu bahasa, pengurusan SJKC lebih teratur serta gaya pengajaran guru-guru SJKC lebih tegas dan serius. Selain daripada itu, kajian-kajian tersebut juga fokus di kawasan bandar sahaja. Pembelajaran murid-murid bukan Cina di SKMJKC kurang diambil perhatian oleh masyarakat dan sarjana, sedangkan sekolah-sekolah tersebut terletak di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, kajian ini meneroka fenomena pertambahan murid bukan Cina di SKMJKC yang berada di luar bandar, iaitu Kuala Pilah, daerah ketiga terbesar dalam Negeri Sembilan. Di

¹ Tee Soon Chee, dilahirkan pada tahun 1931 di daerah Kuala Pilah. Beliau bekerja sebagai seorang guru selama 30 tahun, iaitu dari tahun 1952 hingga tahun 1982. Kemudian, beliau mulai kerjayanya sebagai seorang wartawan *Sin Chew Daily* selama 50 tahun, iaitu dari tahun 1956 hingga tahun 2006. Pada masa yang sama, beliau merupakan timbalan pengerusi dan setiausaha kepada Persatuan Cina Malaysia (*Malaysian Chinese Association, MCA*) Daerah Kuala Pilah, serta pengerusi kepada Eng Choon Kong So (永春公会) Daerah Kuala Pilah. Di samping itu, beliau juga menyandang jawatan pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) SJKC Chung Hua Kuala Pilah sejak tahun 1988 hingga sekarang.

samping itu, pengkaji bukan sahaja mengkaji fenomena ini dengan mengumpul pendapat-pendapat ibu bapa bukan Cina, malahan pandangan-pandangan pihak pentadbir dan guru-guru sekolah turut dikumpul untuk mendapat gambaran keseluruhan mengenai fenomena ini.

Teori *Cross-Cultural Adaptation*

Young Yun Kim mengemukakan teori *Cross-Cultural Adaptation* pada tahun 1998 dalam artikelnya yang bertajuk "*I Can Walk Both Ways*": *Identity integration of American Indians in Oklahoma*". Teori ini dibina berdasarkan premis di mana seseorang individu adalah bersikap terbuka sejajar dengan perkembangan sosiobudaya persekitarannya.

Mengikut Kim (1998), secara semula jadinya, apabila wujud tekanan untuk mencapai keseimbangan dalaman daripada persekitaran bertentangan, seseorang individu cenderung untuk beradaptasi dengan situasi persekitaran tersebut.

Bagi Kim (1998), tekanan adalah kunci kepada berlakunya proses evolusi seseorang individu dalam penyesuaian diri dengan persekitaran, malahan ia tidak dapat dielakkan. Pengalaman tekanan akan menghasilkan keadaan ketidakseimbangan secara dalaman, contohnya emosi tidak menentu, kekeliruan, kebimbangan, sinis, permusuhan, pengelakan atau keinginan untuk menarik diri. Namun begitu, dengan wujudnya tekanan, barulah seseorang individu tersebut akan didorong untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu yang dihadapi.

Beliau berpendapat bahawa tempoh beradaptasi adalah berbeza mengikut individu. Tiga faktor dalaman dikemukakan olehnya untuk mendedahkan kesedaran diri individu dalam menangani tekanan persekitaran baharu, iaitu kesediaan, jarak etnik dan personaliti. Pertama sekali, seseorang individu adalah bersiap sedia dari segi mental, emosi dan motivasi untuk berhadapan dengan persekitaran baharu, termasuk pendedahan awal mengenai perbezaan bahasa dan budaya persekitaran baharu dari persekolahan awal atau melalui media. Yang kedua, seseorang individu akan lebih mudah untuk beradaptasi apabila ciri-ciri etnik sendiri lebih kurang sama atau serasi dengan ciri-ciri etnik tuan rumah persekitaran. Yang ketiga, keterbukaan, kekuatan diri dan kepositifan individu adalah amat membantu dalam penyesuaian dirinya dengan persekitaran baharu.

Perkembangan Sekolah Cina di Daerah Kuala Pilah

Negeri Sembilan terletak di wilayah pantai barat Tanah Melayu yang bersempadan dengan negeri Selangor di bahagian barat laut, Pahang di bahagian utara, Melaka di selatan dan Johor di tenggara. Daerah Kuala Pilah merupakan daerah ketiga terbesar dalam Negeri Sembilan. Merujuk kepada Rancangan Struktur Majlis Daerah Kuala Pilah dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Kuala Pilah 1995-2015 (1996), pusat bandar Kuala Pilah juga dikenali sebagai Kuala Pilah, dikelilingi oleh pusat-pusat petempatan kecil

seperti Tanjung Ipoh, Terachi, Juasseh, Senaling, Air Mawang, Johol, Seri Menanti dan Dangi.

Mengikut Peletz (1994), kumpulan etnik utama yang mendiami daerah ini ialah Melayu, terutama sekali suku Minangkabau yang berhijrah dari Sumatera, Indonesia ke Negeri Sembilan pada abad ke-16. Kumpulan etnik kedua besar pula ialah orang Cina yang berhijrah dari negeri-negeri Selatan Tanah Besar China dan menetap dalam daerah ini akibat daripada kegiatan perlombongan yang aktif mulai abad ke-19 (Ooi, 1967). Kedua-dua kumpulan etnik utama ini menjalankan aktiviti ekonomi yang berlainan selepas memulakan kehidupan baharu mereka dalam daerah Kuala Pilah. Orang Melayu mengusahakan penanaman padi, penorehan getah dan pemasaran hasil hutan (Peletz, 1987), manakala orang Cina pula mengutamakan perusahaan perlombongan dan penanaman.

Mengikut Rekod Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia dan Penderma-pendermanya (1982), terdapat dua jenis sekolah yang ditubuhkan oleh masyarakat Cina Kuala Pilah selepas mula menetap di Tanah Melayu. Yang pertamanya, sekolah yang terletak di dalam atau berhampiran dengan ladang getah dan tapak lombong bijih timah. Antaranya *sishu* (sekolah swasta) yang terletak di Tanjung Ipoh, Sekolah Kampung Juasseh (爪西农村) di Bukit Gelugor dan Sekolah Pei Chun (培群) di Dangi.

Jenis sekolah yang kedua ialah sekolah yang diadakan untuk kumpulan dialek masing-masing yang terletak di pekan Kuala Pilah. Mengikut Tee (2015), empat buah sekolah tersebut masing-masing ialah Sekolah Chung Hua (中华) yang diasaskan oleh kumpulan dialek Hokkien, Sekolah Hua Qiao (华侨) yang diasaskan oleh gabungan kumpulan dialek Hakka dan kumpulan dialek Hokkien, Sekolah Ping Min (平民) yang diasaskan oleh kumpulan dialek Hakka serta Sekolah Sin Min (新民) yang diasaskan oleh gabungan kumpulan dialek Teochew dan kumpulan dialek Hakka.

Kesemua sekolah yang disebut di atas terpaksa ditutup apabila Tanah Melayu dijajah oleh negara Jepun dari 8 Disember 1941 hingga 31 Januari 1942 semasa Perang Dunia Kedua. Selepas angkatan Jepun berundur dari Tanah Melayu, sekolah-sekolah yang dihentikan pada masa penjajahan Jepun menghadapi masalah kewangan untuk beroperasi semula. Mengikut Tan² (2016), ini adalah kerana keadaan sekolah telah menjadi amat buruk dan memerlukan peruntukan yang tinggi untuk kerja penyelenggaraan dan pembangunan. Masyarakat migran Cina pada masa itu memberi sumbangan mengikut keupayaan masing-masing supaya sekolah-sekolah Cina dapat beroperasi semula.

Hasil daripada gabungan tenaga oleh semua lapisan masyarakat Cina, sekolah-

² Tan Ming Sang, dilahirkan pada tahun 1931 di Kampung Dioh, daerah Kuala Pilah. Beliau merupakan bekas pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SJKC Chung Hua Kuala Pilah.

sekolah yang ditutup kembali beroperasi semula, malahan sekolah-sekolah Cina yang baharu juga ditubuhkan untuk menyediakan peluang pembelajaran kepada komuniti Cina yang berhampiran. Sebuah sekolah baharu telah ditubuhkan di Senaling, iaitu sekolah malam yang tidak diberi nama khusus pada tahun 1947.

Tempoh selepas penjajah Jepun menyerah kalah tidak menyambut ketenteraman seperti mana yang dijangka oleh penduduk tempatan. Tidak lama kemudian, perang gerila yang tercetus antara Parti Komunis Malaya (PKM) dengan kerajaan British sekali lagi menyelubungi kehidupan penduduk-penduduk tempatan dalam kegelapan. Mengikut Yee³ (2016), antara kubu-kubu PKM yang aktif di Kuala Pilah pada masa itu ialah Talang⁴, Langkap⁵, Dangi dan Kepis. Pada tahun 1948, darurat diisytiharkan dan kampung baru diwujudkan oleh kerajaan persekutuan untuk menangani ancaman komunis.

Berikutan dengan penempatan semula etnik Cina di dalam kampung baru, sekolah-sekolah baharu telah ditubuhkan di dalam perkarangan kampung baru. Pada tahun 1953, Sekolah Parit Tinggi ditubuhkan berhampiran dengan kawasan perlombongan bijih timah. Kemudian, Sekolah Kampung Baru Kepis dan Sekolah Yoke Hua Air Mawang pula ditubuhkan masing-masing pada tahun 1956 dan tahun 1959 (Lim, 1982). Mengikut Tee (2015) dan Yee (2016), terdapat juga sekolah-sekolah yang tidak diketahui namanya oleh generasi hari ini seperti sekolah di Ulu Juasseh dan sekolah di Seri Menanti. Kedua-dua buah sekolah tersebut telah dilupai nama dan tahun penubuhannya oleh generasi tua kerana sudah lama ditutup.

Pada masa yang sama, keempat-empat buah sekolah⁶ yang berada di Pekan Kuala Pilah telah digabungkan menjadi satu sekolah sahaja kerana kos untuk mengendalikan empat buah sekolah amat membebankan pihak sekolah dan masyarakat Cina setempat. Selain itu, masyarakat Cina tempatan juga berpendapat bahawa keempat-empat buah sekolah di pekan patut digabungkan supaya etnik Cina setempat dapat disatupadukan di bawah satu bumbung. Sekolah ini dinamakan SJKC Chung Hua Kuala Pilah kerana kumpulan dialek Hokkien Eng Choon merupakan kumpulan dialek yang paling besar di Daerah Kuala Pilah (Lim, 1982). Sekolah ini mempunyai enrolmen murid yang tertinggi antara sekolah-sekolah Cina Daerah Kuala Pilah sejak digabungkan sehingga hari ini.

SJKC Daerah Kuala Pilah Kini

³ Tan Yee Chuan, dilahirkan pada tahun 1935 di Tanjung Ipoh, daerah Kuala Pilah. Beliau merupakan bekas murid SJKC Tanjung Ipoh pada tahun 1950. Beliau kemudiannya bekerja sebagai seorang guru di SJKC Tanjung Ipoh mulai tahun 1959 dan menyandang jawatan sebagai guru besar di sekolah tersebut pada tahun 1985.

⁴ Talang, ataupun dikenali sebagai Kampung Empangan Talang, tempat menahan air hulu sungai Muar. Ia merupakan salah satu perkampungan yang terletak di Tanjung Ipoh.

⁵ Salah satu perkampungan orang asli yang terletak di Seri Menanti.

⁶ Sekolah Chung Hua, Sekolah Hua Qiao, Sekolah Ping Min dan Sekolah Sin Min.

Zaman kegemilangan Daerah Kuala Pilah tidak berlangsung lama. Oleh sebab kos perlombongan yang tinggi, kerja perlombongan yang susah dan pembantahan kegiatan melombong oleh orang Asli kerana perusahaan penanaman padi mereka dijejaskan oleh kerja-kerja perlombongan, perusahaan perlombongan telah ditamatkan tidak lama kemudian (Tee, 2010). Perusahaan ladang getah diusahakan selepas perusahaan perlombongan bijih timah merosot. Sementara itu, perkhidmatan kereta api yang ditamatkan juga menyulitkan kemudahsampaian antara daerah Kuala Pilah dengan daerah-daerah lain (Mohamad Aizim Baharon, 2013). Tambahan pula, peluang pekerjaan yang lebih tinggi di kawasan bandar seperti Seremban menyebabkan penduduk tempatan yang berpendapatan rendah mula bermigrasi keluar dari daerah ini. Landasan daripada itu, Kuala Pilah pada dewasa ini digelar “bandar mati” kerana pembangunannya sudah terbantut.

Daerah Kuala Pilah mengalami pengurangan penduduk mulai hujung abad ke-20, malahan migrasi penduduk ke kawasan bandar masih lagi berlaku sehingga hari ini. Berbeza dengan pusat pentadbiran daerah lain, jumlah penduduk Kuala Pilah berkurang dari semasa ke semasa. Kadar pertumbuhan purata tahunan penduduk Daerah Kuala Pilah adalah 0.11% dari tahun 1980 hingga tahun 1991. Mulai tahun 1991 hingga tahun 2000, kadar pertumbuhan purata tahunan penduduknya susut sebanyak -0.85% (Rainis Ruslan, Noresah Mohd Shariff, & Masron Tarmiji, 2006). Hal ini menyebabkan Daerah Kuala Pilah mempunyai kadar susutan yang paling tinggi berbanding dengan daerah-daerah lain di Negeri Sembilan.

Jumlah penduduk Daerah Kuala Pilah mencecah seramai 63,541 orang mengikut banci tahun 2000 (Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Negeri Sembilan, 2012). Namun begitu, penduduk daerah ini berkurang ke jumlah seramai 43,791 orang pada tahun 2010 (Majlis Daerah Kuala Pilah, 2010). Menurut Tee (2015), pengurangan penduduk Kuala Pilah adalah disebabkan oleh kekangan perkembangan sektor perindustrian dalam daerah ini. Kekurangan peluang pekerjaan mendesak golongan muda cenderung untuk berpindah ke bandar yang berdekatan seperti Seremban dan Kuala Lumpur. Migrasi dalaman yang berterusan ini bermula sejak 20 tahun dahulu, kerajaan setempat berusaha untuk meminimalkan penghijrahan keluar penduduk dari Daerah Kuala Pilah sejak tahun 1996 (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Sembilan, 1996). Namun begitu, usaha-usaha mereka tidak menunjukkan impak yang ketara.

Migrasi yang berterusan ini meninggalkan kesan yang nyata ke atas enrolmen murid sekolah di daerah ini, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, mahupun sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan. Sehingga tahun 2010, penduduk daerah Kuala Pilah berjumlah seramai 43,791 orang dengan majoritinya etnik Melayu seramai 31,030 orang, diikuti dengan etnik Cina seramai 8,423 orang, etnik India seramai 3,111 orang, lain-lain etnik seramai 119 orang dan penduduk bukan warganegara seramai 1,108 orang (Majlis Daerah Kuala Pilah, 2010). Jumlah penduduk mengikut etnik menunjukkan penduduk Cina adalah kurang di daerah Kuala Pilah, iaitu hanya mencapai sebanyak 19% daripada jumlah penduduk, manakala penduduk Melayu pula mencapai lebih daripada

separuh jumlah penduduk, iaitu sebanyak 71%.

Keadaan ini menyebabkan suatu fenomena yang menarik berlaku terhadap SJKC di daerah ini. Menurut Tee (2015), pada asalnya daerah ini mempunyai 12 buah SJKC. Namun, mulai tahun 2016 tinggal sembilan buah sahaja. Bilangan penduduk Cina yang semakin berkurang menyebabkan enrolmen murid Cina SJKC susut dengan cepat, dan digantikan dengan murid-murid bukan Cina yang berminat belajar bahasa Cina. Mengikut Tan dan Santhiram (2014), senario ini berlaku dengan ketara terutamanya di luar bandar.

Berdasarkan perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada tahun 2010, seramai 72,443 orang murid bukan Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), iaitu 11.84% daripada jumlah 612,064 orang murid SJKC. Pada tahun 2014 pula, seramai 87,463 orang murid bukan Cina di SJKC, iaitu 15.31% daripada jumlah 571,315 orang murid SJKC. Ini bermakna, murid bukan Cina di SJKC telah bertambah seramai 15,020 orang ataupun 3.47% dari tahun 2010 hingga tahun 2014 (Sin Chew Daily, 14 Januari 2015).

Fenomena murid bukan Cina melimpah SJKC sangat ketara di SKMJKC daerah ini. Selain SJKC Chung Hua Kuala Pilah, sembilan buah SJKC lain merupakan SKMJKC yang mempunyai enrolmen murid kurang daripada 150 orang. Perubahan enrolmen murid dapat dilihat dengan jelas melalui paparan data dalam jadual berikut.

Jadual 1

Perbandingan Enrolmen Murid 10 Buah SJKC Daerah Kuala Pilah antara 1980 dengan 2016

Nama Sekolah	Enrolmen murid		Peratusan pengurangan
	Tahun 1980	Tahun 2016	
Chung Hua Tanjung Ipoh	141	36	75%
Chung Hua Senaling	142	71	50%
Chung Hua Kuala Pilah	1010	440	56%
Kampung Baru Kepis	183	28	85%
Kampung Baru Bukit Gelugor	181	75	59%
Yoke Hua Air Mawang	150	27	82%
Yuk Hua Juasseh	155	64	59%
Yuk Chai Johol	180	36	80%
Pei Chun Dangi	232	81	65%
Parit Tinggi	46	8	83%

Nota. Sumber: Rekod Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia dan Penderma-pendermanya 1982

Merujuk Jadual I, didapati bahawa kesemua SJKC di Daerah Kuala Pilah mengalami pengurangan murid melebihi separuh daripada enrolmen asal. Walaupun enrolmen murid tidak dicatat dengan jelas mengikut jenis etnik dalam Rekod Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia dan Penderma-pendermanya pada tahun 1982, tetapi fenomena murid bukan Cina membanjiri SJKC daerah ini dapat diperhatikan melalui

data statistik enrolmen murid yang terkini.

Jadual 2

Enrolmen Murid Mengikut Etnik dan Jantina 10 Buah SJKC Daerah Kuala Pilah Tahun 2016

Nama Sekolah	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah L+P
	L	P	L	P	L	P	L	P	
Chung Hua Tanjung Ipoh	16	13	1	2	0	0	2	2	36
Chung Hua Senaling	10	17	24	17	3	0	0	0	71
Chung Hua Kuala Pilah	34	36	184	163	10	5	4	4	440
Kampung Baru Bukit Gelugor	1	2	37	31	1	3	0	0	75
Kampung Baru Kepis	9	10	4	4	0	1	0	0	28
Parit Tinggi	5	3	0	0	0	0	0	0	8
Pei Chun Dangi	3	16	21	21	8	5	2	5	81
Yoke Hua Air Mawang	2	1	18	5	0	1	0	0	27
Yuk Chai Johol	9	3	2	2	5	5	8	2	36
Yuk Hua Juasseh	17	19	10	14	1	1	2	0	64

Nota. Data diberi oleh guru-guru penolong kanan 10 buah SJKC melalui sistem telekomunikasi pada 1 Julai 2016.

Jadual 3

Perbandingan Peratusan Murid Bukan Cina dengan Murid Cina Sjkc Daerah Kuala Pilah tahun 2016

Nama Sekolah	Peratusan perbandingan dengan jumlah murid keseluruhan	
	Bukan Cina	Cina
<i>Peratusan murid bukan Cina yang melebihi 50%</i>		
Parit Tinggi (n = 8)	100%	0%
Chung Hua Tanjung Ipoh (n = 36)	92%	8%
Yuk Chai Johol (n = 36)	89%	11%
Kampung Baru Kepis (n = 28)	71%	29%
Yuk Hua Juasseh (n = 64)	62%	38%
<i>Peratusan murid bukan Cina yang tidak melebihi 50%</i>		
Kampung Baru Bukit Gelugor (n = 75)	9%	91%
Yoke Hua Air Mawang (n = 27)	15%	85%
Chung Hua Kuala Pilah (n = 440)	21%	79%
Chung Hua Senaling (n = 71)	42%	58%
Pei Chun Dangi (n = 81)	48%	52%

Daripada kedua-dua jadual di atas, jelas bahawa peratusan murid bukan Cina daripada lima buah SJKC daerah Kuala Pilah telah pun melebihi 50% daripada jumlah murid keseluruhan, malahan terdapat SJKC yang langsung tiada murid Cina, ataupun enrolmen murid Cinanya sudah hampir diganti sepenuhnya oleh enrolmen murid bukan Cina, manakala jumlah murid bukan Cina bagi lima buah SJKC yang lain pun tidak rendah peratusannya.

Pengkaji telah menjalankan kajian di dua buah sekolah yang mempunyai peratusan murid bukan Cina yang berbeza. Enrolmen murid bukan Cina bagi Sekolah A melebihi 50% manakala enrolmen murid bukan Cina bagi Sekolah B kurang daripada 50%. Daripada maklum balas ibu bapa bukan Cina yang ditemu bual, mereka berpendapat bahawa keuntungan-keuntungan tertentu dapat diperoleh sekiranya menghantar anak mereka ke SJKC. Keuntungan-keuntungan tersebut tidak semestinya merujuk kepada pencapaian dari segi akademik seperti yang disebut oleh para ibu bapa, terdapat “keuntungan tersirat” yang tidak ingin diungkit oleh mereka, tetapi difahami dengan jelas oleh golongan pendidik sekolah.

Faktor-faktor yang Mendorong Etnik Bukan Cina untuk Belajar di SKMJKC

i) Penguasaan Lebih Daripada Satu Bahasa Serta Kemahiran Aritmetik Untuk Meningkatkan Peluang Pekerjaan

Negara China mula menonjolkan kuasanya dalam ekonomi antarabangsa dan memonopoli pasaran dunia sejak abad ke-21. Kekuatan negara tersebut mempengaruhi negara sedang membangun seperti Malaysia (Minority Rights Group, 1992). Kepesatan pembangunannya telah mewujudkan suatu trend belajar bahasa Cina. Oleh sebab itu, bahasa Cina menjadi pilihan bahasa kedua yang ingin dikuasai oleh orang ramai selepas bahasa Inggeris. Pada pendapat ibu bapa bukan Cina, menguasai bahasa Cina dapat meningkatkan peluang pekerjaan. Mengikut Guru A dan Tan, tanggapan ini datang daripada pengupahan staf-staf bukan Cina yang berupaya untuk berkomunikasi dalam bahasa Cina oleh bank-bank setempat. Selain daripada itu, ibu bapa bukan Cina juga menganggap bahawa guru-guru SJKC mempunyai kemahiran aritmetik yang lebih baik dan berkebolehan untuk mengajar subjek Matematik dengan lebih berkesan.

Hampir semua ibu bapa mengakui bahawa penguasaan lebih daripada satu bahasa merupakan tujuan utama mereka menghantar anak mereka ke SJKC. Lima daripada enam ibu bapa menjelaskan tujuan ini seperti berikut.

Jadual 4

Maklum Balas Ibu Bapa Bukan Cina tentang Tujuan Menghantar Anak ke SJKC

Subjek	Huraian
Ibu A	Maknanya dia betul-betul menguasai bahasa Cina, bukan setakat lisan sahaja. Lagi satu, matematik pun boleh dapat. (temubual, 24 Mac, 2016)
Ibu B	Saya hendak suruh dia belajar bahasa ini, sebab (dapat belajar) lebih daripada bahasa Melayu, (dapat menguasai bahasa lain) selain daripada bahasa Melayu. (temubual, 28 Mac, 2016)
Ibu C	Satu dia dapat bahasa, satu dia disiplin. Itu saya untung. Lepas itu Matematik pun dia boleh dapat. (temubual, 11 Apr, 2016)

Bapa D	Sebab sebagai <i>second languagenya</i> (bahasa keduanya). Apabila kerja nanti satu <i>advantage</i> lah (kelebihan), <i>you</i> (kamu) tahu lebih daripada satu bahasa daripada orang lain. Katakan kamulah, kamu tau bahasa Melayu kamu rasa itu suatu <i>advantage</i> (kelebihan) tak? (temubual, 12 Apr, 2016)
Bapa F	Kita perlukan lebih bahasalah. Untuk masa depan, lebih kita untung. Dekat Malaysia kita pelbagai kaum kan? Kita perlukan lebih bahasalah. Untuk senang guna kelak. (temubual, 18 Apr, 2016)

Daripada Jadual 4 didapati bahawa ibu bapa bukan Cina menganggap bahawa penguasaan bahasa Cina adalah kelebihan untuk mencari pekerjaan pada masa hadapan. Selain daripada itu, mereka juga mempunyai tanggapan bahawa pihak sekolah akan berusaha untuk membantu anaknya menguasai bahasa Cina sekiranya anaknya mula belajar di SJKC. Pada pandangan mereka, pembelajaran bahasa Cina anaknya adalah tanggungjawab pihak sekolah.

ii) Budaya SJKC Yang Tegas Mendisiplinkan Murid

Ramai yang tertanya-tanya bahawa, kenapa etnik bukan Cina tidak memilih Sekolah Kebangsaan (SK) untuk menimba ilmu? Kenapa mereka memilih SJKC? Kita boleh mencari jawapan melalui maklum balas daripada dua orang ibu ini.

Jadual 5

Maklum Balas Ibu Bapa Bukan Cina tentang Sebab Tidak Menghantar Anak ke Sekolah Bahasa Ibunda

Subjek	Huraian
Ibu B	Sebelum saya hantar ke sini, saya memang sudah nilai dulu lah dia punya disiplin (dengan membandingkan SK). Dari segi kerja sekolah itu memang banyak beza (berbanding dengan SK). Masa masuk pembelajaran pun dah ada nampaklah, dia punya beza. (temubual, 28 Mac, 2016)
Ibu E	Tentang pengurusan, saya rasa sekolah Cina lebih teraturlah sikit, disiplin..... (lebih baik daripada SK) (temubual, 18 Apr, 2016)

Ibu C mengadu paling banyak tentang SK. Anak sulung dan anak keduanya menuntut di SJKC, manakala anak ketiga dan anak keempatnya di SK. Bagi anak bongsunya, dia membuat keputusan untuk menghantarnya ke SJKC selepas membuat perbandingan antara keempat-empat orang anaknya yang masing-masing belajar di SK dan SJKC. Mengikutnya, dia berasa lebih yakin dengan budaya pembelajaran yang diamalkan di SJKC. Pengalaman buruk yang dialaminya menyebabkannya rasa tidak puas hati dengan profesionalisme guru-guru di SK.

Dulu saya kenal dengan cikgu di SK, “Allah lebih kurang sudah lah”. Lepas itu kalau macam budak tidak dapat, dia babitkan kasar bahasa dia macam kesat! Ustaz pun ada juga cakap macam tu. Sebab kita sebagai seorang guru, kalau guru berbahasa kasar, anak murid akan bahasa kasar. Lagi satu pun cara didikan cikgu

dia. “Ah..... OK cikgu tak ada sekejap ye! OK mai, ah hantar ko orang lah, nak buat, buat, tak nak buat, sudah.” Kalau sudah cikgu pun macam itu, tidak berapa serius, anak murid pun tidak kisah. (temubual, 11 Apr, 2016)

Apabila pengkaji bertanyakan kemungkinan bahawa hanya sebahagian daripada guru-guru yang bersikap tidak profesional, Ibu C menafikan kemungkinan tersebut. Ini adalah disebabkan keluarganya sentiasa berpindah randah mengikut ketetapan pekerjaan suaminya. Sekolah-sekolah yang pernah dituntut oleh kelima-lima orang anaknya termasuk sama ada SK atau SJKC di Ipoh, Ulu Langat, Simpang Pertang dan sekarang di Kuala Pilah. Tidak kira bandar atau luar bandar, mengikut pengalamannya, budaya SJKC adalah lebih berdisiplin dan guru-gurunya mendidik anak-anak murid dengan tegas dan serius, di mana anaknya dapat memupuk amalan yang baik sejak kecil seperti menepati masa, beradab sopan, hormat-menghormati antara guru dengan murid mahupun sesama murid, serta penerapan kebenaran hidup seperti “sediakan payung sebelum hujan” dan “sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit” melalui pergaulan biasa dalam waktu persekolahan. Baginya, “melentur buluh biar dari rebung”, kanak-kanak harus didedahkan dengan amalan yang baik serta nilai yang benar sejak awal umur.

Kelonggaran pengurusan SK juga dapat diperhatikan daripada maklum balas Guru D.

Ramai guru SK tidak menyemak dan menghabiskan buku aktiviti cetakan pihak kerajaan. Mungkin ibu bapa mengetahui perkara ini daripada perbualan harian dalam masyarakat setempat. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa masa depan anak mereka lebih cerah jika dihantar ke SJKC, kerana guru-guru di SJKC bersikap lebih bertanggungjawab berbanding dengan guru-guru di SK. (temubual, 26 Apr, 2016)

Melalui maklum balas ibu bapa dan guru, kita dapat merumuskan bahawa ibu bapa bukan Cina hilang keyakinan mereka terhadap SK adalah disebabkan oleh pengurusan SK yang kurang teratur, guru-guru yang tidak profesional dan pelaksanaan peraturan sekolah yang tidak ketat. Landasan daripada itu, ibu bapa bukan Cina terdorong untuk menghantar anak-anak mereka ke SJKC kerana mereka berasa lebih selamat jika anak-anak mereka belajar dalam budaya sekolah yang membantu melahirkan anaknya sebagai insan yang harmonis dan bertanggungjawab.

iii) Guru Ibarat Tutor Peribadi Bagi Murid Bukan Cina

Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah yang enrolmen muridnya kurang daripada 150 orang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). Sehingga tahun 2005, terdapat 2,261 (29.7%) buah sekolah rendah yang dikategorikan sebagai SKM (Kementerian Pelajaran Malaysia, Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010, 2006). Bagi daerah Kuala Pilah, selain SJKC Chung Hua Kuala Pilah yang terletak di pekan Kuala Pilah mempunyai enrolmen murid seramai 440 orang (kategori

Sekolah A), sembilan buah SJKC lain yang terletak di luar pekan mempunyai enrolmen murid antara lapan hingga 80 orang sahaja. Enrolmen murid bukan Cina adalah lebih tinggi di Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina (SKMJKC) yang terletak di luar pekan Kuala Pilah.

Apabila pengkaji menanya sebab tidak menghantar anak-anak ke SJKC yang kategorinya A di Kuala Pilah untuk belajar bahasa Cina, sedangkan ibu bapa bukan Cina mempunyai hasrat di mana anaknya dapat menguasai bahasa Cina dan sekolah tersebut mempunyai enrolmen murid Cina yang lebih ramai, mereka memberi maklum balas kepada pengkaji seperti berikut.

Jadual 6

Maklum Balas Ibu Bapa Bukan Cina tentang Sebab Tidak Menghantar Anak ke SJKC A

Subjek	Huraian
Ibu C	Saya takut (anak saya) tidak boleh ikuts ebab situ kan ramai? Sekolah Pilah ramai orang. (rendahkan suara) Saya cakap Cina saya tidak pandai. (temubual, 11 Apr, 2016)
Bapa D	Itu (S.J.K.(C) Chung Hua Kuala Pilah) satu kelas 30, 40 lebih (bilangan murid), macam mana dia orang (guru) hendak jaga dia? Kelas pun kurang, dalam satu kelas banyak sangat orang, macam mana belajar? Tidak boleh jagalah. (temubual, 12 Apr, 2016)
Ibu E	Jadi kalau kita hantar sini, cikgu boleh banyak tumpuan kat dia orang (anaknya) sebab kelas pun tidak ramai (murid). (temubual, 18 Apr, 2016)
Bapa F	Jumlah dia itu (SKMJKC) tidak ramai. Macam dalam satu sekolah, satu kelas tu, ah budak Cina ada 10, ada Melayu 2, ah itu agak susah sikitlah. Tapi sini tengok, OKlah. (temubual, 18 Apr, 2016)

Kebanyakan ibu bapa bukan Cina yang anaknya belajar di SKMJKC ialah mereka yang berpendidikan rendah dan bergaji bulanan tidak melebihi RM1,500. Mereka bukan sahaja tidak fasih bertutur bahasa Cina, malahan mereka langsung tidak faham bahasa Cina. Bagi ibu bapa bukan Cina yang berupaya menghantar anaknya ke kelas tambahan selepas waktu persekolahan, pembelajaran anaknya di SJKC masih boleh disambung dengan baik. Bagi ibu bapa bukan Cina yang tidak berupaya berbuat demikian, mereka mengharapkan tumpuan yang lebih banyak daripada guru SJKC supaya anaknya tidak ketinggalan daripada pengajaran dan pembelajaran harian.

iv) Pandangan-pandangan Lain Yang Disuarakan Oleh Ibu Bapa Bukan Cina

Namun begitu, terdapat juga ibu bapa bukan Cina yang bukan mengikut trend atau sekadar hendak meningkatkan status melalui penghantaran anaknya ke SJKC. Seseengah ibu bapa bukan Cina yang berkahwin campur dengan etnik Cina berhasrat di mana anak-anaknya mewarisi budaya Cina dan menguasai bahasa Cina. Terdapat seramai tiga orang ibu bapa yang berkahwin campur dengan etnik Cina di Sekolah A. Sebagai contoh, Ibu A yang menghantar kelima-lima anaknya untuk belajar di Sekolah A berkata seperti berikut.

Sebab pertamanya, *family* (keturunan keluarga). Ayah mertua saya Cina kan? Ayahnya (suaminya) dulu memang belajar (bahasa Cina). Jadi, dia nak jugalah turunkan ilmu itu dekat anak-anaknya untuk menguasai bahasa Cina itu. Kita hendak dia belajar tentang bahasa Cina, mewarisi (bercakap dalam intonasi yang tegas) daripada itu. (temubual, 24 Mac, 2016)

Ibu A dan suaminya amat komited terhadap semua aktiviti dan program sekolah. Anak-anaknya juga dikawal ketat olehnya dan jarang tidak hadir ke sekolah tanpa alasan yang munasabah. Hasil daripada harapannya yang tinggi terhadap anak-anaknya, pencapaian anak-anaknya sama ada akademik atau kokurikulum amat cemerlang.

Selain ibu bapa seperti ibu A yang berkahwin campur dengan etnik Cina yang ingin mewarisi budaya Cina, terdapat juga ibu bapa yang berpendapat bahawa belajar bahasa Cina bukannya ikut trend tanpa tujuan. Bagi Ibu C dan Ibu E, mereka berpendapat bahawa pembaharuan perlu dibuat akibat daripada modenisasi era. Dunia tanpa sempadan mendesak mereka menyerap inti pati etnik lain untuk membentuk Melayu moden (Maznah Mohamad & Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2011). Perkataan “siapa rugi” diulangi lebih daripada 10 kali oleh ibu C sepanjang temu ramah. Sebagai contoh:

Kalau kita kira-kira pun tidak pandai, bahasa pun kita sudah rugi, kita rugilah. Saya hendak anak saya macam itu ke? Saya takkan biarkan anak saya. Sesetengah orang tanya saya, “tidak takut ke dia orang? Situ makan tidak ada halal lah apa semua”. Kita jangan fikir macam itu. Ah, orang yang risau itu, saya cakap dengannya, BUKA, buka minda itu. Ah, jadi benda ini tidak ada apa, cuma saya untungnya? Satu dia dapat bahasa, satu dia disiplin. Itu saya untung. Lepas itu Matematik pun dia boleh dapat. (temubual, 11 Apr, 2016)

Selain “siapa rugi”, perkataan “buka minda” juga sering disebut olehnya:

Pergaulan kita jangan sekat, sebab kita, kalau luar, untuk masa depan dia juga, kita tidak boleh bergantung kepada satu bangsa sahaja. Kita hendak buka. Sekarang semakin lama semakin..... kata orang semakin moden, betul? Jadi kalau sekurang-kurangnya kita untungnya kita dapat bahasa. Jadi kita kena buka minda. (temubual, 11 Apr, 2016)

Ibu E juga mengakui bahawa, sejak menghantar anaknya ke SJKC, dia berpeluang untuk didedahkan kepada budaya Cina dengan lebih mendalam melalui pergaulan harian dan penyertaan program-program sekolah. Pada masa yang sama, pihak sekolah pun mengetahui keperluan etnik bukan Cina dengan lebih jelas dalam proses mendidik anak-anaknya. Interaksi ini telah menyenangkan pencapaian persefahaman antara kedua-dua pihak untuk kebaikan anak murid.

Pandangan Pihak Sekolah terhadap Fenomena Pertambahan Murid Bukan Cina di SJKC

i) Pengaruh Trend

Pandangan pihak sekolah adalah jauh berbeza berbanding dengan pandangan ibu bapa bukan Cina berkenaan perkara ini. Guru Besar A berpendapat bahawa etnik bukan Cina berminat untuk belajar bahasa Cina adalah kerana pembelajaran bahasa Cina merupakan trend global yang terkini. Mereka terikut dengan perkembangan semasa ini supaya tidak ketinggalan. Sama ada pengaruh dari saudara mara, penghuni sekampung atau rakan sekerja, apabila mereka terdengar semakin ramai kawannya yang menghantar anak mereka ke SJKC, mengikut Guru Besar B, pengaruh ini lagi tersebar dan menarik lebih ramai murid bukan Cina untuk belajar di SJKC.

Selain daripada itu, bagi sesetengah etnik bukan Cina, mereka mempunyai tanggapan di mana statusnya dapat dipertingkatkan jika anaknya belajar di SJKC. Berikut merupakan penjelasan seorang guru pemulihan di Sekolah B. Ramai murid bukan Cina dihantar ke kelas pemulihan kerana pencapaian akademik mereka tidak memuaskan. Dalam proses membimbing dan memberi kaunseling murid pemulihannya, Guru C perlu sentiasa bekerjasama dengan ibu bapa dan mendalami setiap anak muridnya. Oleh itu, beliau membuat rumusan berikut berdasarkan pengalamannya setelah bertemu dengan ramai ibu bapa bukan Cina.

Apabila saya tanya ibu bapa bukan Cina, tanggapan mereka ialah mereka berasa bermaruah jika anak mereka menguasai lebih daripada satu bahasa. Taraf mereka dalam suku bangsanya meningkat, anaknya macam luar biasa daripada yang lain. Apabila sebut anaknya merupakan anak murid yang belajar di SJKC, mereka berasa bangga. (temubual, 26 Apr, 2016)

Menerusi pengalaman guru besar kedua-dua buah sekolah dan interaksi harian guru pemulihan dengan etnik bukan Cina, mereka mendapati bahawa ibu bapa bukan Cina sebenarnya terikut dengan trend global semasa ataupun sekadar ingin menaikkan statusnya dalam kalangan kumpulan etnik..

ii) SJKC Ialah “Tempat Perlindungan” Bagi Etnik Bukan Cina

Kedua-dua orang guru besar turut menyuarakan pandangan yang sama apabila ditemu ramah mengenai pandangan mereka terhadap motif etnik bukan Cina menghantar anak mereka ke SJKC. Kedua-dua guru besar mendapati bahawa, sesetengah ibu bapa menghantar anaknya untuk belajar di SJKC adalah untuk mengelakkan diri dan anaknya daripada berada dalam lingkungan orang kenalan. Ini adalah kerana mereka sedang menghadapi masalah-masalah tertentu, contohnya keluarga yang berpecah belah, berhutang kepada pihak tertentu seperti bank atau syarikat insurans, bekerja haram, baru bercerai dan lain-lain masalah yang tidak ingin diketahui oleh orang lain. Kedua-dua orang guru besar menggunakan frasa yang sama, iaitu “tempat perlindungan” untuk mendeskripsi fungsi

SJKC bagi ibu bapa bukan Cina yang sedang berhadapan dengan masalah-masalah tersebut. Mereka khuatir diejek oleh orang kenalan, sedangkan ramai orang kenalannya yang berada di SK. Lagipun, enrolmen murid adalah amat rendah di SKMJKC. Jadi, mereka tidak ingin mendaftarkan anaknya ke SK kerana anaknya akan menjadi buah mulut orang lain.

iii) Peluang Mendapat Kebajikan Adalah Lebih Tinggi Di SJKC

Selain kebajikan yang disediakan oleh kerajaan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), e-kasih, e-damak dan Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPSPB) untuk murid miskin, terdapat juga sumbangan daripada Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dari semasa ke semasa mengikut program-program yang ditentukan oleh LPS dan PIBG sekolah masing-masing. Guru Besar A, Guru A, Guru C dan Guru E masing-masing berpendapat bahawa, bagi etnik bukan Cina, peluang untuk mendapat kebajikan-kebajikan tersebut lebih susah jika anaknya berada di SK kerana enrolmen murid di SK adalah lebih tinggi berbanding dengan SJKC di Kuala Pilah yang kebanyakannya merupakan SKM. Lagipun, peluang anaknya untuk mendapat kebajikan-kebajikan tersebut akan meningkat apabila anaknya dibuat bandingan dengan anak-anak etnik Cina, kerana pendapatan etnik Cina biasanya adalah lebih tinggi berbanding dengan etnik bukan Cina.

Jadual 7

Pekerjaan Ibu Bapa Mengikut Etnik dan Jantina

Etnik	bukan Cina (orang)		Cina (orang)	
	Bapa	Ibu	Bapa	Ibu
Pekerjaan				
Tidak bekerja	16	37	3	23
Bekerja sambilan	18	0	4	0
Buruh	6	2	9	1
Pekerja am	9	9	7	3
Peniaga	8	0	11	2
Kakitangan kerajaan	7	10	0	2
Berkolar putih	5	1	5	2
JUMLAH	59	59	38	33

Nota. Sumber: Fail Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Sekolah A dan Sekolah B Tahun 2016

Daripada Jadual 7 didapati bahawa kebanyakan keluarga adalah bergaji tunggal, terutama sekali bergantung kepada usaha pihak suami untuk membiayai perbelanjaan isi rumah. Tambahan lagi, ibu bapa bukan Cina yang tidak bekerja atau bekerja sambilan adalah lebih ramai daripada ibu bapa Cina. Kebanyakan bapa bukan Cina bekerja sebagai pekerja am atau peniaga, manakala kebanyakan ibu bukan Cina berkhidmat dalam agensi kerajaan. Untuk bapa Cina pula, kebanyakannya berniaga atau bekerja sebagai buruh, manakala ibu Cina pula ramai yang tidak bekerja.

Jadual 8

Pendapatan Ibu Bapa Mengikut Etnik dan Jantina

Pendapatan (RM)	Etnik bukan Cina (orang)		Cina (orang)	
	Bapa	Ibu	Bapa	Ibu
<500	2	2	0	3
500-900	15	5	4	0
1000-1500	13	6	10	2
1600-2000	4	0	4	0
2100-2500	4	5	7	2
2600-3000	3	2	4	2
3100-3500	1	1	1	0
3600-4000	1	1	3	1
>4000	0	0	2	0
JUMLAH	43	22	35	10

Nota. Sumber: Fail Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Sekolah A dan Sekolah B Tahun 2016

Merujuk kepada Jadual 8 pula, walaupun bapa Cina yang berpendapatan RM2000 ke atas lebih ramai daripada bapa bukan Cina, tetapi ibu bukan Cina yang berpendapatan RM2000 ke atas adalah lebih ramai daripada ibu Cina. Secara keseluruhannya, pendapatan ibu bapa adalah tidak tinggi sama ada Cina atau bukan Cina. Ini adalah kerana terdapat lebih daripada 50% ibu bapa yang bergaji bulanan kurang daripada RM1500. Perbezaan yang paling ketara di sini ialah ibu bapa bukan Cina yang berpendapatan sebanyak RM500-RM900 mencapai seramai 20 orang, dan mereka yang berpendapatan sebanyak RM1000-RM1500 mencapai seramai 19 orang. Kedua-dua bilangan ini adalah jauh lebih tinggi daripada bilangan ibu bapa Cina, di mana bilangan yang tercatat adalah seramai empat orang untuk skala pendapatan RM500-RM900 dan 12 orang untuk skala pendapatan RM1000-RM1500.

Daripada kedua-dua jadual di atas kita boleh membuat rumusan bahawa pendapatan ibu bapa bukan Cina adalah lebih rendah daripada ibu bapa Cina. Faktor ini mendorong ibu bapa bukan Cina untuk mendaftarkan anaknya ke SJKC supaya mendapat kebajikan-kebajikan yang tersedia demi menampung perbelanjaan pembelajaran anak mereka. Mereka bukan sahaja tidak perlu merebut peluang dengan etnik sendiri seperti mana yang berlaku di SK, malahan keberangkalan untuk berjaya memohon kebajikan-kebajikan tersebut meningkat setelah dibanding dengan etnik Cina.

Kesimpulan

Analisis data menunjukkan bahawa hasil daripada usaha masyarakat Cina dan kerjasama dengan pihak kerajaan dari zaman sebelum perang dunia kedua sehingga ke hari ini, SJKC Daerah Kuala Pilah berubah dari sekolah beratap buruk menjadi sekolah yang dilengkapi dengan infrastruktur. Namun begitu, bilangan murid berkurangan dengan cepat mulai tahun 1980-an kerana migrasi penduduk tempatan yang berterusan ke bandar.

Kini, 90% daripada SJKC Daerah Kuala Pilah merupakan Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina (SKMJKC), di mana enrolmen muridnya kurang daripada 150 orang. Golongan murid majoriti yang belajar di SJKC telah bertukar dari etnik Cina kepada etnik bukan Cina.

Daripada pandangan-pandangan yang disuarakan oleh para ibu bapa bukan Cina dan guru-guru, kita boleh mendapati bahawa pandangan kedua-dua pihak ini adalah jauh berbeza. Ibu bapa bukan Cina memberi pandangan-pandangan yang positif seperti menguasai lebih daripada satu bahasa serta kemahiran aritmetik, budaya SJKC tegas dapat mendisiplinkan murid, guru bagaikan tutor peribadi bagi anaknya dan sebagainya. Pihak sekolah pula berpendapat bahawa tujuan sebenar ibu bapa bukan Cina menghantar anak mereka ke SJKC adalah kerana pengaruh trend global terkini, iaitu menguasai bahasa Cina sebagai bahasa kedua bagi etnik bukan Cina. Di samping itu, mereka juga menganggap SJKC sebagai tempat perlindungan daripada kumpulan etniknya dan mempunyai hasrat untuk meningkatkan peluang untuk mendapat kebajikan. Peluang yang tinggi untuk mendapat kebajikan membantu etnik bukan Cina yang berpendapatan rendah untuk menampung kos pembelajaran anak mereka, malahan mengurangkan beban perbelanjaan harian keluarga mereka.

Berdasarkan Teori *Cross-Cultural Adaptation* yang dikemukakan oleh Young Yun Kim pada tahun 1998, tekanan merupakan kunci kepada berlakunya proses evolusi seseorang individu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Akibat daripada peningkatan nilai komersial bahasa Cina (Cheong, 2013) dan kebangkitan pembentukan bangsa moden (Maznah Mohamad & Aljunied Syed Muhd Khairudin, 2011), dunia tanpa sempadan mendesak etnik bukan Cina negara Malaysia untuk melangkahi ambang bangsa dan menyerap inti pati etnik Cina.

Tekanan etnik bukan Cina Daerah Kuala Pilah berasal daripada masalah keluarga, masalah kewangan dan desakan untuk menguasai lebih daripada satu bahasa bagi meningkatkan peluang pekerjaan. Tekanan-tekanan tersebut menimbulkan keadaan ketidakseimbangan secara dalaman, contohnya emosi tidak menentu, kekeliruan, kebimbangan dan sebagainya yang mendorong ibu bapa bukan Cina membuat keputusan untuk menghantar anak mereka menuntut di SJKC.

Selain itu, fenomena penambahan murid bukan Cina yang berterusan juga membuktikan bahawa etnik bukan Cina telah bersiap sedia dari segi mental, emosi dan motivasi untuk berhadapan dengan budaya SJKC. Sikap keterbukaan amat membantu kepada mereka untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu (Kim, Lujan, & Dixon, 1998). Kepositifan etnik bukan Cina untuk menerima budaya baharu dan tekanan daripada kehidupan realiti mendorong mereka untuk menuntut di SJKC. Oleh yang demikian, pandangan-pandangan etnik bukan Cina dan pihak sekolah bukan sahaja memaparkan keadaan sebenar di sebalik fenomena yang berlaku ini, malahan ia juga telah mendedahkan perubahan fungsi SJKC mengikut perkembangan semasa.

Sekolah Cina mula-mula ditubuhkan di Malaysia dengan fungsinya membekalkan pendidikan bahasa Cina kepada anak-anak migran Cina yang menetap di sini. Perkembangan pendidikan Cina di Malaysia mulai zaman sebelum penjajahan British sehingga selepas kemerdekaan, mempamerkan transisi corak pendidikan Cina dari *sishu* (sekolah swasta) dan *yixue* (sekolah percuma) ke arah perjuangan dan kelangsungan sekolah Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan (Tan, 1997). Namun begitu, didapati bahawa peranan yang dimainkan oleh pendidikan Cina sedang berubah menerusi kajian ini. SJKC telah menjadi pilihan etnik lain untuk memperoleh pendidikan sekolah rendah mereka. Kemasukan etnik bukan Cina secara beramai-ramai telah menyediakan peluang untuk etnik yang berbeza berinteraksi antara satu sama lain. Bertitik tolak dari situ, peranan SJKC bukan lagi terhad kepada pembekalan pendidikan Cina kepada etnik Cina sahaja, malah ia boleh diperlihatkan sebagai suatu platform pertukaran budaya antara kaum.

Rujukan

- Abdul Samad Idris. (1968). *Negeri Sembilan dan Sejarah-nya*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Berhad.
- Abdullah Ibrahim. (1990). Struktur suku di Rembau. In Norazit Selat, *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang* (p. 56). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Cheong, Y. K. (2013). *Gerakan Pendidikan Cina Di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Dorraj, M., & Currier, C. L. (2011). *China's Energy Relations with the Developing World*. New York: Continuum.
- Gullick, J. M. (1951). The Negri Sembilan economy of the 1890s. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 24(1), 38-55.
- Haji Buyong Adil. (1981). *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Sembilan. (1996). *Rancangan struktur Majlis Daerah Kuala Pilah dan pihak berkuasa perancang tempatan Daerah Kuala Pilah 1995-2015*. Negeri Sembilan: Serting Press Sdn. Bhd.
- Jawatankuasa Kongres Pendidikan Melayu. (2001). *Laporan Kongres Pendidikan Melayu, 1-2 September 2001, Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Jawatan Kongres Pendidikan Melayu.
- Kampulin, D. J. (2009). *Malay parents considerations when choosing primary schools for their children*. (Doctoral dissertation). Retrieved from <http://ir.unimas.my/>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kim, Y. Y., Lujan, P., & Dixon, L. D. (1998). "I can walk both ways": Identity integration of American Indians in Oklahoma. *Human Communication Research*, 25(2), 252-274.
- Lim, Y. Y. (1982). *Rekod Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia dan Penderma-pendermanya* 马来西亚国民型中小学校史暨热心教育人士大全. Pulau Pinang: Civic Press Sdn. Bhd.
- Lin, F. (2009). Zhongwen Re Huo Shejing Beijing? Xiangcun Malai Jiazhang Xuanze Huaxiao de Tantaoshe 中文热或社经背景? 乡村马来家长选择华小的探讨. *The International Journal of Diasporic Chinese Studies*, 1(02), 113-117.

- Majlis Daerah Kuala Pilah. (2010). *Perangka Daerah Kuala Pilah 2010*. Negeri Sembilan: Majlis Daerah Kuala Pilah.
- Maznah Mohamad, & Syed Muhd Khairudin Aljunied. (2011). *Melayu: The politics, poetics and paradoxes of Malayness*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Md Sharif Fateh Hassan. (1974). Sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan kaitannya di Minangkabau. *Paper presented at the Seminar of Persejarah Adat Perpatih, Seremban, Negeri Sembilan*.
- Minority Rights Group. (1992). *The Chinese of South-East Asia*. London: Minority Rights Group.
- Mohamad Aizim Baharon. (2013, November 14). *Kereta Api Kuala Pilah Tinggal Kenangan*. Retrieved Jun 10, 2016, from Utusan Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Selatan/20131114/ws_04/Kereta-api-Kuala-Pilah-tinggal-kenangan
- Newbold, T. (1839). *Political and statistical accounts of the British Settlements in the Straits of Malacca: Viz. Pinang, Malacca, and Singapore, with a history of the Malayan States on the Peninsula of Malacca (Vol. 2)*. London: John Murray.
- Ooi, J. B. (1967). *Land, people and economy in Malaya*. London: Longmans.
- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Negeri Sembilan. (2012, September 10). *Profil Daerah*. Retrieved 7 27, 2015, from Laman Web Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah: <http://pilah.ns.gov.my/index.php/2012-09-04-10-18-46/corporate-profile/profail-daerah>
- Peletz, M. G. (1987). The exchange of men in 19th-century Negeri Sembilan (Malaya). *American Ethnologist*, 14(3), 449-469.
- Peletz, M. G. (1994). Comparative perspectives on kinship and cultural identity in Negeri Sembilan. *SOJOURN: Journal Of Social Issues In Southeast Asia*, 9(1), 1-53.
- Pettigrew, T., & Tropp, L. (2011). Recent advances in intergroup contact theory. *International Journal of Intercultural Relations*, 35(3), 271-280.
- Rainis Ruslan, Noresah Mohd Shariff, & Masron Tarmiji. (2006). Perubahan konsentrasi ruangan penduduk Semenanjung Malaysia 1980-2000. *Geografia Online Malaysian Journal Of Society and Space* 2, 31-42.
- Sin Chew Daily. (2012, November 9). 华小生人数虽下降 • 华裔念华小有增无减. Sin Chew Daily. Retrieved from <http://www.sinchew.com.my/node/1292495>
- Sin Chew Daily. (2014, Januari 2). 庇勝多所華小 • 新生人數變動不大. Sin Chew Daily.

Retrieved from <http://www.sinchew.com.my/node/955002>

Sin Chew Daily. (2015, Januari 14). 刘子健：办学方针获认同·华小非华裔生续增加. Sin Chew Daily. Retrieved from <http://www.sinchew.com.my/node/1018026>

Sin Chew Daily. (2015, Januari 12). 华裔人口驟減·庇鄉區新生下滑. Sin Chew Daily. Retrieved from <http://www.sinchew.com.my/node/1017939>

Tan, L. E. (1997). *The politics of Chinese education in Malaya, 1945-1961*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Tan, Y. S., & Santhiram, R. (2014). *Educational issues in multiethnic Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

Tan, Y. S., Kamarudin Ngah, & Sezali Md. Darit. (2013). Parental choice of schooling, learning processes and inter-ethnic friendship patterns: The case of Malay students in Chinese primary schools in Malaysia. *International Journal of Educational Development*, 33(4), 325-336.

Tan, Y. Y. (2015). Malay parents' perspective on a admission of their children to Chinese primary school in Kelantan, Malaysia. *Researchers World*, 6(1), 26.

Tee, S. C. (2008). Sejarah ringkas Negeri Sembilan 森美兰州简史. In Persatuan Surat Khabar Cina Negeri Sembilan, *Bao Lin Hong Zhua Edisi Kedua* (pp. 161-166). Negeri Sembilan: Percetakan Advanco Sdn. Bhd.

Tee, S. C. (2010). Sejarah Pembukaan dan Perkembangan Kuala Pilah. In Eng Choon Kong So Kuala Pilah (Ed.), *Majalah Penubuhan Eng Choon Kong So Kuala Pilah Ulang Tahun Ke-100* (pp. 108-114). Kuala Pilah: Benar Padu Sdn. Bhd.

Wilkinson, R. (1911). Notes on Negeri Sembilan. *Papers On Malay Subject* (p. 295). Kuala Lumpur: Government Press.

Yen, Q. H. (1962). *History of Negri Sembilan* 森美兰史. Singapore: The World Book Co. Ltd.